

1. Antara berikut yang manakah **betul**?
- A Sebuah firma terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan buruh mahir untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 - B Seorang suri rumah terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan modal untuk berbelanja bagi keperluan keluarganya
 - C Seorang usahawan terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan sumber pendapatan untuk menghasilkan keluaran pertanian
 - D Sebuah kerajaan negeri terpaksa membuat pilihan akibat kekurangan faktor pengeluaran untuk melaksanakan projek pembangunan

2. Pernyataan di bawah menunjukkan satu masalah ekonomi.

Pendapatan yang diperoleh tidak mampu memaksimumkan kepuasan.

Siapakah yang mungkin menghadapi masalah ekonomi di atas?


- A Syarikat Chelsea Sdn Bhd
 - B Jabatan Pengangkutan Jalan
 - C Encik Aiman
 - D Pemilik Hidayah Enterprise
3. Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat Kay.

Keluaran(unit)	Intensif Buruh	Intensif Modal
Baju	100	60
seluar	60	100

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Kay sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- A 40 unit baju
 - B 60 unit baju
 - C 100 unit seluar
 - D 160 unit seluar
4. Mengapakah system ekonomi pasaran bebas lebih baik daripada sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Sumber diagihkan secara adil
 - B Keseimbangan agihan pendapatan
 - C Pengeluaran barang secara besar-besaran
 - D Kecekapan dalam penggunaan sumber

5. Rajah 1 berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)



Rajah 1

Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik W menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
- II Titik P menunjukkan berlaku kos lepas terhadap jam tangan sebanyak 8000 unit
- III Titik Y menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan jam tangan dan pakaian
- IV Titik MNOPQ menunjukkan masalah pengeluaran di sepanjang KKP

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Ammar Berhad.

Disebabkan keadaan ekonomi yang berkembang pesat, Syarikat Ammar Berhad telah meningkatkan penawaran barang X sebanyak 30% dan barang Y sebanyak 25%

Berapa nilai keanjalan harga penawaran bagi barang X dan barang Y jika harga berubah 40%

	Barang X	Barang Y
A	1.33	1.6
B	1.6	1.33
C	0.75	0.63
D	0.65	0.68

- 7 Jadual di bawah menunjukkan kuantiti penawaran dan kuantiti permintaan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)	Kuantiti Permintaan (unit)
15	150	330
20	165	300
25	180	270
30	250	250
35	320	140

Pilih pernyataan yang betul tentang jadual di atas

- A. Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM25
 B. Harga cenderung turun pada tingkat harga RM35
 C. Lebihan penawaran sebanyak 180unit berlaku pada tingkat harga RM15
 D. Kuantiti permintaan melebihi kuantiti penawaran sebanyak 125 unit pada tingkat harga RM20
- 8 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)
6	30
12	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?

- A 0.67
 B 0.76
 C 1.33
 D 1.50
- 9 Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- A En. Shamie membayar RM 5000 sebagai deposit untuk kereta baharu
 B En.Thohir membayar RM 250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
 C Encik Zul mengunjungi lebih daripada 10 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
 D Puan Zhafeerah membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn Bhd

- 10 Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan individu

$$\text{Pendapatan individu} = \text{Upah} + \text{sewa} + \text{Faedah} + \text{Dividen} + \text{X} + \text{Bayaran pindahan}$$

Situasi manakah yang menerangkan **X**?

- A Puan Aifa mendapat RM1500 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera
- B Cik Irdina memenangi baucer buku daripada Kedai Buku Mysara bernilai RM100
- C Puan Batrisyia menerima RM3000 atas penggunaan rumah kedai miliknya
- D Puan Zahwina memperoleh RM380 sebulan atas jualan kerepek ubinya

- 11 Pasangan maklumat yang manakah betul?

	Input Tetap	Input Berubah
A	Berubah secara langsung dengan perubahan output	Tidak berubah mengikut perubahan output
B	Wujud pada tingkat keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
C	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap
D	Contoh input ialah Jurutera binaan	Contoh input ialah insurans kebakaran

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan kos purata, jumlah keluaran dan harga seunit bagi firma Mariah Jaya Berhad

Kos purata	: RM20
Jumlah keluaran	: 150 unit
Harga jualan seunit	: RM21.50

Berapakah keuntungan bagi firma tersebut ?

- A RM 430.00
- B RM 225.00
- C RM 161.25
- D RM 139.50

- 13 Jadual di bawah menunjukkan bilangan buruh dan keluaran purata untuk sebuah firma.

Bilangan buruh	Keluaran purata
1	30
2	45
3	60
4	65

Berapakah keluaran marginal pada bilangan buruh ke-4?

- A 60
 B 70
 C 80
 D 90
- 14 Antara berikut, prinsip perbankan Islam yang manakah merupakan perjanjian perkongsian untung antara pemilik modal dengan pengusaha?
 A Wadiah
 B Bai Bithaman Ajil
 C Mudharabah
 D Takjiri
- 15 Maklumat di bawah berkaitan pembelian kereta oleh Cik Munirah.

Harga kereta	RM55000
Bayaran Pendahuluan	RM15000
Bayaran ansuran RM640	84 bulan

Kadar faedah yang dikenakan ialah

- A 1.65%
 B 2.65%
 C 3.71%
 D 4.91%
- 16 Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dan deposit semasa di bank perdagangan?
 I Disediakan buku akaun simpanan
 II Pengeluaran wang pada bila-bila masa
 III Kemudahan menggunakan kad ATM
 IV Boleh memohon kemudahan overdraf
 A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV

- 17 Antara yang berikut, komponen manakah mempunyai wajaran paling tinggi dalam pengiraan indeks harga pengguna?
- A Kesihatan
 - B Pendidikan
 - C Makanan dan minuman bukan alkohol
 - D Perumahan , air ,elektrik, gas dan bahan api lain

- 18 Maklumat di bawah berkaitan dengan Syarikat Indah Water Konsortium (IWK)

IWK merupakan sebuah syarikat perkhidmatan pembentungan nasional yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pembentungan untuk 24 juta pengguna serta mengendalikan operasi dan penyelenggaraan lebih 6000 buah loji olahan awam. IWK dianggap monopoli kerana....

- I merupakan penentu harga pasaran
 - II satu firma sahaja
 - III menyediakan perkhidmatan yang penting
 - IV merupakan syarikat tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Antara berikut, yang manakah merupakan tindakan kerajaan mengawal eksternaliti negatif?
- A Memberi subsidi kepada pengeluar automobil tempatan
 - B mengenakan cukai yang tinggi untuk pembeli kereta elektrik
 - C Mengurangkan cukai penggunaan untuk produk minyak seperti gasoline dan diesel
 - D Memberi insentif subsidi untuk pengeluar yang menggunakan teknologi hijau
- 20 Indeks harga pengguna pada tahun 2018 ialah 104.2 berbanding dengan 101.5 pada tahun 2017. Kadar inflasi pada tahun 2018 ialah
- A 1.5%
 - B 2.66%
 - C 3.85%
 - D 4.2%

- 21 Bagaimanakah dasar kewangan digunakan untuk mengawal masalah inflasi dan kemelesetan ekonomi?

	Inflasi	Kemelesetan Ekonomi
A	Melonggarkan syarat sewa beli	Mengetatkan syarat sewa beli
B	Membeli surat jaminan kerajaan	Menjual surat jaminan kerajaan
C	Menaikkan kadar faedah	Menurunkan kadar faedah
D	Menurunkan kadar rizab tunai dan rizab berkanun	Menaikkan kadar rizab tunai dan rizab berkanun

- 22 Maklumat di bawah berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.

Upah wang (RM)	Harga Barang P (RM)	Harga Barang Q (RM)	Harga Barang R (RM)
5000	6.00	10.00	15.00

Apakah akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM20.00

- A Kuasa beli pengguna berkurang
 - B Upah benar pengguna meningkat
 - C Pendapatan boleh guna pengguna berkurang
 - D Pendapatan boleh cukai meningkat
- 23 Bagaimanakah bank pusat mengawal kenaikan harga barang secara berterusan dalam pasaran?

	Rizab Tunai	Surat Jaminan Kerajaan	Syarat Sewa Beli
A	Naikkan	Beli	Ketatkan
B	Naikkan	Jual	Ketatkan
C	Turunkan	Jual	Longgarkan
D	Turunkan	Beli	Longgarkan

- 24 Bagi mengawal kemasukan barangan import secara berlebihan, kerajaan mengenakan

- A Tarif
- B Subsidi
- C Sekatan bukan ekonomi
- D Kawalan pertukaran asing

- 25 Strategi yang manakah perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk membolehkan produk tempatan bersaing di peringkat global?
- A Mengurangkan tarif yang sedia ada
 - B Mengawal kadar pertukaran asing
 - C Memberi subsidi kepada pengusaha tempatan
 - D Meningkatkan kuota terhadap barangan yang diimport
- 26 Mengapakah kerajaan mengenakan sekatan bukan ekonomi terhadap barang import?
- A Untuk meningkatkan hasil negara
 - B Untuk meningkatkan permintaan terhadap barangan tempatan
 - C Untuk mengurangkan kos pengeluaran pengeluar tempatan
 - D Untuk menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat
- 27 Antara berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- I Pemberian subsidi kepada nelayan
 - II Pembinaan hospital kerajaan di negeri Sarawak
 - III Pembelian pesawat tentera untuk Angkatan Tentera Malaysia
 - IV Pembayaran pencen kepada pegawai kerajaan yang telah bersara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Kenaikan kadar faedah menyebabkan
- A kos pinjaman menurun
 - B pertumbuhan ekonomi menjadi lebih perlahan
 - C guna tenaga meningkat disebabkan kos pengeluaran menurun
 - D aliran masuk wang ke dalam negara meningkat kerana banyak peluang pelaburan
- 29 Bagaimanakah syarikat multinasional boleh mengurangkan kesan daripada perlindungan perdagangan?
- A Mengurangkan saiz operasi di luar negara
 - B Mengurangkan aktiviti pengeluaran di luar negara
 - C Membuka cawangan di negara yang mengamalkan perlindungan perdagangan
 - D Memberi bantuan kepada negara yang menerima pelaburan syarikat multinasional

30 Antara berikut, yang manakah adalah benar?

	Tarif spesifik	Tarif ad valorem
A	Cukai yang dikenakan ke atas barang eksport	Cukai yang dikenakan ke atas barang import
B	Cukai yang dikenakan ke atas barang import	Cukai yang dikenakan ke atas barang eksport
C	Cukai yang dikenakan mengikut kuantiti barang	Cukai yang dikenakan mengikut nilai barang
D	Cukai yang dikenakan mengikut nilai barang	Cukai yang dikenakan mengikut kuantiti barang

31 Antara berikut, yang manakah adalah kelebihan liberalisasi perdagangan?

- A Peningkatan kos pengeluaran
- B Peningkatan harga barang tempatan
- C Peningkatan pelaburan langsung
- D Meningkatkan daya saing barang tempatan

32 Sebuah syarikat Jepun menggunakan perkhidmatan pos laju untuk menghantar barang elektronik untuk pembeli di Malaysia. Aktiviti di atas menunjukkan

- A Import barang nampak untuk Malaysia dan import barang tak nampak untuk Jepun
- B Import barang tak nampak untuk Malaysia dan import barang nampak untuk Jepun
- C Eksport barang nampak untuk Malaysia dan eksport barang tak nampak untuk Jepun
- D Eksport barang tak nampak untuk Malaysia dan eksport barang tak nampak untuk Jepun

33. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu fenomena ekonomi.

Dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini, harga minyak global telah meningkat hampir 30%

Antara berikut, akaun manakah dalam imbalan pembayaran akan menerima kesannya?

- A Akaun dagangan dan akaun semasa
- B Akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan
- C Akaun Pendapatan dan akaun pelaburan langsung
- D Akaun Pendapatan sekunder dan akaun pelaburan

- 34 Maklumat di bawah merupakan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Pound Sterling (£) dan Dolar Singapura(SGD)

$\text{£}1.00 = \text{RM}6.00$ $\text{SGD}1.00 = \text{RM}3.00$
--

Berapakah nilai satu Pound Sterling dalam mata wang Dolar Singapura?

- A $\text{£}1.00 = \text{SGD } 0.50$
 B $\text{£}1.00 = \text{SGD } 1.00$
 C $\text{£}1.00 = \text{SGD } 1.50$
 D $\text{£}1.00 = \text{SGD } 2.00$
- 35 Apakah kesan terhadap eksport dan import Malaysia sekiranya kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia menurun?
- A Harga eksport lebih murah.
 B Jumlah import Malaysia meningkat
 C Permintaan Ringgit Malaysia menurun
 D Imbangan dagangan bertambah buruk

Soalan 36 hingga soalan 40 Berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Permintaan ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara songsang dengan permintaan untuk eksport negara.
 II Apabila jumlah nilai eksport negara meningkat, kadar pertukaran Ringgit Malaysia cenderung meningkat
- 37 I Defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran boleh meningkatkan kadar inflasi
 II Defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran boleh meningkatkan guna tenaga

- 38 I Peningkatan kadar tarif mengurangkan permintaan barang import
II Peningkatan kadar tarif meningkatkan penawaran barang tempatan
- 39 I Perkembangan dalam industri pelancongan memberi kesan positif kepada globalisasi
II Perkembangan dalam industri pelancongan meningkatkan pendapatan negara.
- 40 I Emolumen merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan yang paling kecil
II Perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan semasa kerajaan berulang pada setiap tahun

KERTAS SOALAN TAMAT

